

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 NOVEMBER 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	TVET is Malaysia's key to Unesco board	New Straits Times
2.	El Nino 'sekat' banjir besar	Harian Metro
3.	Ribut Petir dijangka berterusan sehingga awal pagi esok	BERNAMA
4.	4,329 anggota SAR sedia digerakkan hadapi banjir di Terengganu	BERNAMA
5.	Penganalisa forensik terlepas pandang satu barang apabila memeriksa ekshibit kes Lahad Datu	BERNAMA
6.	Rakyat bakal nikmati siaran TV digital percuma sepenuhnya mulai awal tahun depan	BERNAMA
7.	SKMM perkenal label khas bantu pengguna pilih peranti siaran TV digital	BERNAMA
8.	Siaran TV digital percuma mulai awal tahun depan	BERNAMA

TVET is Malaysia's key to Unesco board

SIGNIFICANT: Nation willing to share its expertise with others, says Mahdzir

JOHARI IBRAHIM
PARIS
news@nst.com.my

MALAYSIA is leveraging on its Technical and Vocational Education Training (TVET) experience and transformation as it bids for a seat in the 2015-2019 United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation's board of directors.

Education Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid said being in the board would be significant for the country, as its TVET sector, which is part of the country's National Education Development Plan, had been selected as one of the eight points of the 2015 Asia-Pacific Conference of Education and Training (Acet) KL Declarations recently.

Voting for the seat will take place on Nov 11 at the 38th general Unesco conference, which is expected to be attended by 400 participants.

Mahdzir said following the growth in Acet, Malaysia was ready to share its experience with Unesco mem-

bers, in the development of TVET and education.

"During Acet, 27 countries realised that there is no other way for a country to succeed unless technical and vocational training are provided to youths.

"Malaysia is more than ready to share its experiences and methods in improving TVET with other countries in this conference," he said on Monday.

Mahdzir said the theme of his speech would touch on Malaysia's experience in changing the education system, including TVET, to produce skilled labour by 2020.

Malaysia had sat in the Unesco Executive Board five times since joining the organisation in 1958.

Mahdzir said the 27 countries that attended Acet 2015 were interested in Malaysia's TVET model as the field was no longer seen as a secondary choice for youths.

He said Malaysia, if mandated by Unesco, would be able to play a bigger role in the international education field.

He said, at the moment, Malaysia

was considered a representative of Asia Pacific in the education sector, where many developing member countries were interested with the country's education transformation model.

"Besides that, we also have a special programme in the 2013-2025 Education Blueprint," he said.

Mahdzir held several meetings with representatives of member countries as part of the lobbying process and to strengthen ties.

He also paid a courtesy call to Unesco head director Irina Bokova at the Unesco headquarters here on Sunday.

On Monday, Malaysia continued lobbying via the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) meeting.

Malaysia also carried out exhibitions and performances on education and culture to prove its active participation in Unesco programmes.

Mahdzir said Malaysia would be become an attraction in social and cultural fields, which were also part of Unesco's agenda.

The Malaysian delegation included the Higher Education, Science, Technology and Innovation, Tourism and Culture, and the Women, Family and Community Development ministries.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 32
TARIKH: 04 NOVEMBER 2015 (RABU)

El Nino ‘sekat’ banjir besar

Kuala Lumpur: Risiko beberapa negeri mengalami bencana banjir besar dan hujan lebat dijangka berkurang dengan kehadiran fenomena El Nino berintensiti kuat ketika ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, negara diramal tidak mengalami banjir besar seperti akhir tahun lalu di pantai timur yang berpunca daripada cuaca lembap disertai hujan berpanjangan.

“Musim tengkujuh disertai El Nino akan mengurangkan episod hujan daripada lima kepada empat, berbanding tanpa El Nino yang mewujudkan sehingga lima episod seperti terjadi di pantai timur tahun lalu.

“Memang menjadi kebimbangan MetMalaysia sekiranya musim tengkujuh tidak disertai El Nino ia akan melembapkan lagi cuaca dan boleh mengakibatkan banjir besar ekstrem,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 04 NOVEMBER 2015 (RABU)



Ribut Petir Dijangka Berterusan Sehingga Awal Pagi Esok

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Ribut petir yang dijangka berlaku di perairan Samui, Condore dan Layang-Layang dijangka berterusan sehingga awal pagi esok.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam.

Selain itu, situasi berkenaan turut menyebabkan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA



4,329 Anggota SAR Sedia Digerakkan Hadapi Banjir Di Terengganu

KUALA TERENGGANU, 3 Nov (Bernama) -- Seramai 4,329 anggota dari enam jabatan penguatkuasaan dan agensi penyelamat sedia digerakkan untuk operasi mencari dan menyelamat (SAR) di seluruh Terengganu sekiranya bencana banjir melanda negeri itu kali ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Osman Muda berkata kesemua agensi tersebut juga akan membukukan cuti semua anggota terbabit sebaik sahaja bilik gerakan bencana negeri dibuka.

"Sebanyak 202 kenderaan darat dan 131 kenderaan di air milik enam jabatan itu juga siap sedia digerakkan, manakala penggunaan aset udara akan diselaraskan oleh Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri sekiranya diperlukan.

"Enam Jabatan yang terbabit ialah Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Rela," katanya kepada pemberita dalam sidang media berhubung persediaan menghadapi bencana banjir tahun 2015/2016 di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah JPAM Negeri Terengganu Leftenan Kolonel (Pertahanan Awam), Che Adam A Rahman, dan Setiausaha MKN Terengganu Badrul Shah Mohd Idris.

Pada sidang media itu beliau juga mengumumkan tanggungjawab pengurusan bencana negeri yang sebelum ini dikendalikan Majlis Keselamatan Negara akan diserahkan kepada JPAM Terengganu.

Katanya ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada Ogos lalu yang memutuskan bahawa Agensi Pengurusan Bencana Negara ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan JPAM bertindak sebagai Sekretariat pengurusan bencana di peringkat negeri dan daerah.

"Pada tahun ini, **Jabatan Meteorologi** menjangkakan purata taburan hujan pada November ialah antara 560 mililiter (ml) hingga 850 ml manakala pada Disember, purata taburan hujan dijangka antara 430 ml hingga 650 ml.

Menurutnya ramalan itu menjangkakan banjir pada tahun ini tidak seburuk tahun lepas namun kerajaan negeri tetap bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan agar kebajikan dan keselamatan mangsa banjir tetap terjamin.

BERITA ONLINE

BERNAMA.COM

TARIKH: 04 NOVEMBER 2015 (RABU)



Penganalisis Forensik Terlepas Pandang Satu Barang Apabila Memeriksa Ekshhibit Kes Lahad Datu

KOTA KINABALU, 3 Nov (Bernama) -- Seorang penganalisis forensik digital terlepas pandang satu barang apabila memeriksa ekshhibit kes pencerobohan Lahad Datu yang diterima daripada seorang konstabel, Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini.

Penganalisis Kanan CyberSecurity Malaysia Tajul Josalmin Tajul Ariffin berkata beliau tidak menyedari beliau mengecualikan kad sim dalam Borang Pengendalian Barang Kes apabila mendaftarkan resit lapan telefon bimbit dari Konstabel Muhammad Hasrol Kuszaini Azman.

"Saya sedar tentang kad SD (kad sim) pada 9 Sept, 2013 apabila saya dimaklumkan tentang perkara itu oleh pengurus operasi forensik digital Fauzi Mohd Darus," kata beliau.

Tajul Josalmin memberitahu demikian semasa pemeriksaan balas oleh peguam Majnah Abdillah pada perbicaraan 30 individu yang dikaitkan dengan insiden pencerobohan kumpulan lelaki bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada Februari 2013.

Saksi tidak bersetuju dengan andaian peguam bahawa beliau tidak melihat kad sim itu dalam satu daripada telefon bimbit dan menjelaskan bahawa beliau cuma terlepas pandang apabila hendak mendaftarkannya dalam Borang Pengendalian Barang Kes.

Majnah menarik perhatian bahawa saksi itu memberitahu semasa pemeriksaan utama bahawa dia yang mendaftarkan kad sim dalam Borang Pengendalian Barang Kes.

"Dan kamu menyatakan bahawa kamu terlepas pandang kad SD setelah menyedari tentang hal itu dan masih mengesahkan secara bersumpah bahawa kamu adalah orang yang secara peribadi mendaftarkannya dalam Borang Pengendalian Barang Kes?" tanya Majnah.

Tajul Josalmin menjawab: "Ya".

Terdahulu semasa pemeriksaan utama, saksi tersebut berkata catatan tulisan tangan dalam Borang Pengendalian Barang Kes bukan dibuat oleh beliau tetapi oleh Fauzi.

Kepada soalan timbalan pendakwa raya Jamil Aripin, Tajul Josalmin berkata Fauzi menulis dengan tangan satu barang kes yang tidak dicatatkan saksi dalam Borang Pengendalian Barang Kes.

"Semasa mendaftar ekshhibit, saya terlepas pandang ekshhibit berkenaan dan Encik Fauzi sedar (ekshhibit tidak dinyatakan dalam borang) apabila saya menyerahkan ekshhibit kepadanya," kata beliau.

Dua puluh tujuh warga Filipina dan tiga penduduk tempatan, dibicarakan atas satu hingga pelbagai tuduhan menganggotai kumpulan penganas atau melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Mereka juga dituduh merekrut anggota untuk kumpulan penganas atau secara sukarela melindungi individu yang mereka tahu adalah anggota kumpulan penganas.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu antara 12 Feb dan 10 April, 2013.

Perbicaraan di hadapan Hakim Stephen Chung di Jabatan Penjara Sabah bersambung esok.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 04 NOVEMBER 2015 (RABU)



Rakyat Bakal Nikmati Siaran Tv Digital Percuma Sepenuhnya Mulai Awal Tahun Depan

CYBERJAYA, 3 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia bakal menikmati siaran televisyen digital sepenuhnya secara percuma bermula awal tahun depan dengan adanya perkhidmatan siaran Televisyen Terestrial Digital yang akan dikendalikan oleh MYTV Broadcasting Sdn Bhd (MYTV).

Ketua Pegawai Operasi MYTV, Mohamed Redzwan Yahya bagaimanapun berkata untuk menikmati perkhidmatan tersebut, pengguna perlu terlebih dahulu memiliki set dekoder atau 'Set Top Box' atau televisyen yang mampu menerima siaran digital secara langsung yang dikenali sebagai iTV.

Katanya untuk itu, set-set dekoder dan televisyen berkenaan perlu mempunyai label khas bagi penerimaan siaran DTTB yang diperkenal oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dikenali sebagai 'Label Pengguna Alat Penerima DTTB' atau ringkasnya 'DTTB Malaysia' yang akan mula digunakan awal tahun hadapan.

"Dengan adanya label khas ini, pengguna dapat memastikan mereka hanya membeli alat penerima siaran DTTB seperti dekoder dan televisyen yang disahkan untuk menikmati siaran digital dengan kualiti gambar serta audio terbaik," katanya kepada pemberita selepas seminar Label Pengguna Alat Penerimaan DTTB di sini baru-baru ini.

MYTV selaku pelaksana dan pengendali infrastruktur DTTB di Malaysia juga memegang hak ekslusif penjualan serta pengedaran dekoder DTTB di negara ini dan semua dekoder dilengkapi label 'DTTB Malaysia'.

Label DTTB Malaysia diperkenalkan oleh SKMM dan pengeluarannya dikawal selia oleh **SIRIM QAS International Sdn Bhd**.

Menjelas lanjut mengenai DTTB, Mohamed Redzwan berkata fasa pertama siaran yang dijadual awal 2016 akan meliputi kira-kira 85 peratus kawasan berpenduduk di seluruh negara sebelum dipertingkat kepada 98 peratus menjelang akhir 2016.

"Liputan kita adalah berdasarkan kepada populasi penduduk di sesuatu kawasan kerana pihak MYTV mahu memastikan setiap rakyat yang layak dapat menikmati perkhidmatan DTTB ini," katanya.

Beliau berkata menerusi perkhidmatan DTTB, penonton di negara ini akan menikmati banyak manfaat seperti kualiti gambar dan bunyi yang lebih baik, pilihan saluran siaran percuma lebih banyak selain akses perkhidmatan televisyen interaktif termasuk membeli belah dari rumah serta menonton video atas pemintaan.

Menurut Mohamed Redzwan sebanyak dua juta set dekoder akan diedar dan diberi secara percuma kepada isi rumah yang layak iaitu mereka yang tergolong dalam kelompok pendapatan 40 peratus ke bawah (B40).

Beliau berkata pengguna hanya perlu menyambungkan alat dekoder kepada antena dalaman yang termasuk dalam pakej dekoder itu, ataupun kepada antena terestrial luaran yang sedia ada untuk menikmati siaran DTTB kelak.

Mengenai kos pelaksanaan Mohamed Redzwan memberitahu projek DTTB itu merupakan inisiatif pembiayaan swasta dan pihak MYTV memperuntukkan pelaburan sebanyak RM4.5 bilion bagi tempoh 15 tahun.

MYTV merupakan syarikat yang diberi lesen oleh kerajaan untuk membangun dan menguruskan infrastruktur serta kemudahan rangkaian bagi perkhidmatan DTTB di Malaysia sebagai usaha melaksanakan penghijrahan system penyiaran nasional daripada analog kepada digital menjelang 2017.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE

BERNAMA.COM

TARIKH: 04 NOVEMBER 2015 (RABU)



SKMM Perkenal Label Khas Bantu Pengguna Pilih Peranti Siaran Tv Digital

CYBERJAYA, 3 Nov (Bernama) -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah memperkenalkan satu label khas sebagai usaha membantu pengguna membeli televisyen digital atau dekoder yang mampu menerima siaran perkhidmatan Televisyen Terrestrial Digital (DTTB) mulai tahun depan.

Ketua Jabatan Penciptaan Digital dan Platfrom Pengedaran SKMM, Azlina Mohd Yusof berkata label khas berkenaan yang dikenali sebagai 'Label Pengguna Penerima DTTB' atau ringkasnya 'DTTB Malaysia' akan mula diguna pakai pada Jan 2016.

Menurut Azlina logo khas itu diperkenal hasil konsultasi dengan penggiat industri dan pengedaran serta kelulusan untuk menggunakan telah dipertanggungjawabkan kepada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

"Ini merupakan usaha SKMM untuk membantu pengguna mengenal pasti televisyen atau dekoder di pasaran yang mampu menerima isyarat DTTB selain berperanan sebagai inisiatif alat bagi mengelakkan kewujudan peralatan tidak mematuhi piawaian di pasaran," katanya kepada pemberita selepas seminar Label Pengguna Penerimaan DTTB di sini baru-baru ini.

Azlina berkata walaupun penggunaan label khas berkenaan oleh pengeluar televisyen adalah secara sukarela, namun pihak SKMM dan SIRIM tetap melaksanakan beberapa peringkat kawalan untuk memastikan pengguna tidak tertipu.

Sementara itu, **Ketua Seksyen Komunikasi dan Pensijilan Multimedia SIRIM QAS International, Fauziah Fadil** berkata setiap pengeluar dan pengimport televisyen dan peralatan dekoder yang mahu mendapatkan label 'DTTB Malaysia' bagi produk masing-masing tertakluk kepada beberapa syarat serta peraturan tertentu.

Ini termasuk Kod Teknikal SKMM sebagaimana termaktub di dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, katanya.

Menurutnya lagi, ketika ini terdapat 168 model televisyen daripada pelbagai jenama telah diberi pensijilan menerima isyarat DTTB termasuk menggunakan label DTTB Malaysia.

Selain itu, setiap produk mesti dihantar kepada SIRIM untuk kod kelulusan atau 'Kod Kelulusan Jenis' (TAC) dan selepas itu pengeluar atau pengimport perlu mencetak label berkenaan berdasarkan piawaian ditetapkan, kata Fauziah.

Katanya penggunaan dan cara mempamerkan label khas berkenaan terletak masing-masing kepada kreativiti pengeluar atau pengimport antaranya dipamerkan pada kotak serta bungkus produk yang mendapat kelulusan.

"Label berkenaan juga boleh dipamerkan atau dicetak pada kad jaminan produk, peralatan pengiklanan seperti kain rentang, sepanduk, poster atau cara lain yang sewajarnya," katanya.

Fauziah berkata pihaknya amat menggalakkan para pengeluar serta pengimport televisyen supaya menggunakan label khas berkenaan walaupun penggunaannya adalah secara sukarela.

Beliau menjelaskan terdapat tiga standard cetakan yang dibenar untuk logo berkenaan namun kesemuanya mewajibkan cetakan perkataan 'DTTB Malaysia' mesti berwarna putih, manakala latar belakang ditetapkan kepada warna hitam atau kelabu.

Fasa pertama DTTB yang dikendalikan oleh MYTV Broadcasting Sdn Bhd (MYTV) dijangka dinikmati seawal Jan tahun depan dengan meliputi kira-kira 85 peratus daripada kawasan berpenduduk di seluruh negara sebelum dipertingkat kepada 98 peratus menjelang akhir 2016.

Ia merupakan sebahagian daripada agenda transformasi kerajaan bagi keperluan sistem penyiaran pendigitalan selain dilihat mampu memperkuuh kemampuan Malaysia dalam mempertingkat daya inovasi.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 04 NOVEMBER 2015 (RABU)



Siaran TV Digital Percuma Mulai Awal Tahun Depan



CYBERJAYA, 3 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia bakal menikmati siaran televisyen digital sepenuhnya secara percuma bermula awal tahun depan dengan adanya perkhidmatan siaran Televisyen Terestrial Digital yang akan dikendalikan oleh MYTV Broadcasting Sdn Bhd (MYTV).

Ketua Pegawai Operasi MYTV, Mohamed Redzwan Yahya bagaimanapun berkata untuk menikmati perkhidmatan tersebut, pengguna perlu terlebih dahulu memiliki set dekoder atau 'Set Top Box' atau televisyen yang mampu menerima siaran digital secara langsung yang dikenali sebagai iDTV.

Katanya untuk itu, set-set dekoder dan televisyen berkenaan perlu mempunyai label khas bagi penerimaan siaran DTTB yang diperkenal oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dikenali sebagai 'Label Pengguna Alat Penerima DTTB' atau ringkasnya 'DTTB Malaysia' yang akan mula diguna pakai awal tahun hadapan.

"Dengan adanya label khas ini, pengguna dapat memastikan mereka hanya membeli alat penerima siaran DTTB seperti dekoder dan televisyen yang disahkan untuk menikmati siaran digital dengan kualiti gambar serta audio terbaik," katanya kepada pemberita selepas seminar Label Pengguna Alat Penerimaan DTTB di sini baru-baru ini.

MYTV selaku pelaksana dan pengendali infrastruktur DTTB di Malaysia juga memegang hak ekslusif penjualan serta pengedaran dekoder DTTB di negara ini dan semua dekoder dilengkapi label 'DTTB Malaysia'.

Label DTTB Malaysia diperkenalkan oleh SKMM dan pengeluarannya dikawal selia oleh **SIRIM QAS International Sdn Bhd**.

Menjelas lanjut mengenai DTTB Mohamed Redzwan berkata fasa pertama siaran yang dijadual awal 2016 akan meliputi kira-kira 85 peratus kawasan berpenduduk di seluruh negara sebelum diperingkat kepada 98 peratus menjelang akhir 2016.

"Liputan kita adalah berdasarkan kepada populasi penduduk di sesuatu kawasan kerana pihak MYTV mahu memastikan setiap rakyat yang layak dapat menikmati perkhidmatan DTTB ini," katanya.

Beliau berkata menerusi perkhidmatan DTTB, penonton di negara ini akan menikmati banyak manfaat seperti kualiti gambar dan bunyi yang lebih baik, pilihan saluran siaran percuma lebih banyak selain akses perkhidmatan televisyen interaktif termasuk membeli belah dari rumah serta menonton video atas pemintaan.

Menurut Mohamed Redzwan sebanyak dua juta set dekoder akan diedar dan diberi secara percuma kepada isi rumah yang layak iaitu mereka yang tergolong dalam kelompok pendapatan 40 peratus ke bawah (B40).

Beliau berkata pengguna hanya perlu menyambungkan alat dekoder kepada antena dalaman yang termasuk dalam pakej dekoder itu, ataupun kepada antena terestrial luaran yang sedia ada untuk menikmati siaran DTTB kelak.

Mengenai kos pelaksanaan Mohamed Redzwan memberitahu projek DTTB itu merupakan inisiatif pembiayaan swasta dan pihak MYTV memperuntukkan pelaburan sebanyak RM4.5 bilion bagi tempoh 15 tahun.

MYTV merupakan syarikat yang diberi lesen oleh kerajaan untuk membangun dan menguruskan infrastruktur serta kemudahan rangkaian bagi perkhidmatan DTTB di Malaysia sebagai usaha melaksanakan penghijrahan system penyiaran nasional daripada analog kepada digital menjelang 2017.

-- BERNAMA